



جَابِتِنِ مَفْتِنِ كَرِيْمِي قَمِيح

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

**Soalan :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ustaz/Ustazah/Tuan/Puan/Encik/Cik,

Sebagai perkenalan diri, nama saya **Ahmad** (bukan nama sebenar). Saya berasal dari Subang (rumah keluarga/rumah ibu). Manakala isteri saya berasal dari Melaka. Kedua-dua belah pihak keluarga saya dan isteri saya sudah kehilangan ayah, meninggal dunia kerana sakit.

Selepas berkahwin, saya meletakkan rutin kami pasangan suami isteri untuk bergilir-gilir balik ke kampung di Subang dan Melaka pada hujung minggu. Jika minggu ini kami bersama-sama balik Subang, maka minggu depan kami akan bersama-sama balik Melaka, dan seterusnya.

Sepertimana dugaan pancaroba alam perkahwinan yang dialami oleh pasangan suami isteri di luar sana, kami juga alami perkara yang sama. Di mana ibu saya tidak gemar dengan cara gaya isteri saya mengemas rumah dan memasak. Isteri tidak selesa dengan teguran ibu saya yang terlalu buruk sangka pada dia. Ibu saya telah mengecam cara budaya orang Melaka yang suka bercakap kasar. Segala perkara yang isteri saya lakukan atas niat ihsan untuk menolong ibu di rumah memasak menjadi serba tak kena. Itu salah. Ini salah. Cara membesar saya dan isteri saya sangat berbeza, cara bergaul, cara makan, cara mak ayah dia uruskan

anak anak, semua tak sama. Semuanya salah. Oleh itu, ibu mula membenci isteri saya. Disebabkan perbezaan cara dibesarkan, perbezaan prinsip hidup, perbezaan faham dan mentaliti, ini menyebabkan ibu saya tidak menyukai isteri saya. Isteri saya juga tidak menyukai ibu.

Situasi terkini, ibu saya memarahi saya kerana tidak balik bersama-sama isteri ke Subang. Saya mengizinkan isteri untuk tidak balik Subang kerana isteri mempunyai urusan kerja yang perlu diselesaikan dan perlu mengemukakan report kepada bos pada hari Isnin. Ini sebagai keprihatinan saya supaya isteri dapat focus menyiapkan kerja tersebut. Dan pada hari Ahad, mak isteri memanggil isteri untuk balik Melaka untuk menolong mak isteri atas urusan tertentu (bukan berkaitan dengan mak isteri masuk hospital sakit atau seumpamanya). Saya izinkan isteri saya balik Melaka ketika itu.

Dek kerana saya mengizinkan isteri saya balik Melaka, mak saya tidak puas hati dan marah kerana itu bertentangan dengan agama. Menurut mak saya, suami isteri sepatutnya sentiasa bersama, isteri wajib mengikuti suami ke mana saja suami pergi tidak kira apa jua keadaan. Sebaik saja lafaz akad nikah, mak isteri seharusnya melepaskan anaknya ke pangkuan jagaan suami. Mak isteri tiada lagi hak untuk meminta-minta anak perempuannya balik rumah di Melaka.

Persoalan saya ialah;

- 1). Adakah isteri menjadi hak milik suami dan perlu taat kepada ibu mertua sebagaimana suami taat kepada ibunya?
  
- 2). Adakah berdosa suami dan isteri balik hujung minggu berasingan ke kampung masing-masing, walaupun suami telah beri keizinan kepada isteri untuk balik ke kampung isteri pada hujung minggu? Keadaan mak isteri masih sihat dan tidak uzur, tiada sakit kritikal.

3). Adakah kerja-kerja mengemas rumah di rumah kampung suami merupakan kewajipan isteri kerana itu merupakan sebahagian daripada taat kepada ibu mertua sebagaimana suami taat kepada ibunya?

4). Adakah suami telah derhaka kepada ibu suami sendiri kerana isteri tidak sama-sama balik ke kampung suami pada hujung minggu?

5). Adakah menjadi satu penderhakaan isteri kepada ibu mertua (sama seperti isteri telah derhaka kepada mak isteri sendiri) jika isteri enggan/tidak balik ke kampung suami setelah mendapat keizinan suami untuk tidak balik? Secara tidak langsung suami telah menderhaka kepada ibu suami

Mohon bantuan maklum balas serta penerangan yang terperinci daripada ustaz/ustazah yang bertauliah berkenaan situasi di atas dengan merujuk kepada hadis sahih atau dalil-dalil yang berkaitan. Mohon pertolongan pihak tuan/puan untuk tidak disclose nama saya di mana-mana platform media sosial.

Terima kasih.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

### Soalan

Adakah isteri menjadi hak milik suami dan perlu taat kepada ibu mertua sebagaimana suami taat kepada ibunya?

### Jawapan

Seorang isteri **wajib** mentaati suaminya melebihi orang lain, walaupun ibu bapanya sendiri. Isteri yang tidak taat kepada suaminya dikategorikan sebagai isteri yang derhaka dan berdosa melainkan jika ketaatan itu bertentangan dengan suruhan Allah SWT. Kewajipan dan ketaatan isteri kepada suami merupakan keutamaan dalam rukun rumah tangga sehinggakan Rasulullah SAW bersabda berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah RA berkata:

لَوْ كُنْتُ أَمْرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِأَحَدٍ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا

Maksudnya: *“Jika aku boleh memerintahkan seseorang itu untuk sujud kepada seseorang, maka aku memerintahkan isteri untuk sujud pada suaminya.”* **[Riwayat al-Tirmizi (1159)]** **[Imam al-Tirmizi mengatakan hadith ini melalui jalur Abu Hurairah RA adalah hasan gharib]** Hadith ini juga disahihkan oleh Imam al-Hakim di dalam al-Mustadrak melalui jalur Mu’az bin Jabal.

Hadis ini menunjukkan bahawa kedudukan suami itu menjadi keutamaan bagi isteri dalam apa-apa keadaan, situasi dan perkara sekalipun. Isteri wajib mentaati suami selagimana perintah dan suruhan suami tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Manakala hubungan isteri dan ibu mertua, sebagai menantu perempuan hanya perlu menghormatinya sahaja. Namun jika suami perintahkan isteri untuk menjaga mertua dan melakukan ihsan kepada mertua, maka sebagai isteri perlu mentaati perintah suami. Hal ini dijelaskan oleh pandangan daripada *Dar al Ifta’ Misriyyah* yang dijawab oleh Dr. Mohd Abd al-Sami’ selaku Setiusaha Lembaga

Fatwa *Dar al Ifta' Misriyyah* dalam menjawab persoalan berkenaan 'adakah khidmat isteri untuk ahli keluarga suami diwajibkan?'

***"Isteri tidak wajib membantu keluarga suami. Namun, hukumnya adalah disunatkan dan merupakan penghormatan kepada suami dan keluarganya serta mendapat pahala di sisi Allah SWT. Beliau menegaskan juga, jika berkhidmat kepada keluarga suami membebaskan isteri kerana mempunyai keutamaan yang lebih penting terhadap suami dan anak-anaknya, maka isteri tidaklah berdosa akan perbuatannya itu. Islam amat menitikberatkan pengabaian terhadap kaum isteri sehingga boleh mengganggu kesihatan fizikal dan psikologi isteri".***

Hal ini ini ditegaskan dalam surah ar-rum ayat 21 yang menyatakan mengenai kasih sayang antara suami dan isteri:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

**Maksudnya:** "Dan di antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan di antaramu rasa kasih dan sayang"

Berdasarkan kepada pandangan di atas, sabda Rasulullah SAW, daripada Ibnu Abbas R.A katanya:

حَيْرَتُكُمْ خَيْرٌكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرٌكُمْ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ

**Maksudnya:** Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku. Dan apabila salah seorang daripada ahli keluarga kalian meninggal dunia, maka biarkanlah dia (tinggalkanlah dia dan jangan berbicara tentang keburukannya).

Riwayat al-Tirmidhi (3895)

Menurut hadis ini, jelas menyatakan bahawa yang lebih utama memahami dan sepatutnya membantu ibu suami itu adalah si suami (anak kandung ibu mertua) itu sendiri kerana tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapanya adalah wajib di sisi Allah SWT. Begitu juga firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

**Maksudnya:** Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.

**Soalan:**

Adakah berdosa suami dan isteri balik hujung minggu berasingan ke kampung masing-masing, walaupun suami telah beri keizinan kepada isteri untuk balik ke kampung isteri pada hujung minggu? Keadaan mak isteri masih sihat dan tidak uzur, tiada sakit kritikal?

**Jawapan:**

Isteri tidak berdosa kerana mendapat keizinan daripada suaminya. Sebagaimana dalam sebuah hadis Rasulullah berkaitan dengan puasa yang memerlukan keizinan suami. Hadis daripada Abu Hurairah, sabda Rasulullah SAW:

لَا تَصُومُ الْمَرْأَةُ وَبَعْلُهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ

**Maksudnya:** Tidak dibenarkan berpuasa bagi seorang wanita (isteri) dan suaminya ada disisinya melainkan dengan keizinnannya Riwayat Muslim (1026)

Secara umumnya, mafhum daripada hadis ini walaupun berkenaan dengan meminta izin berpuasa sunat, ia sebenarnya merangkumi apa-apa sahaja perkara yang isteri ingin lakukan perlu mendapatkan keizinan suami walaupun ianya merupakan perkara yang dibenarkan dalam Islam.

**Soalan:**

Adakah kerja-kerja mengemas rumah di rumah kampung suami merupakan kewajipan isteri kerana itu merupakan sebahagian daripada taat kepada ibu mertua sebagaimana suami taat kepada ibunya?

**Jawapan:**

Tidak wajib isteri mengemas rumah ibu mertua kecuali jika diarahkan oleh suaminya (sila rujuk jawapan no 1).

**Soalan:**

Adakah suami telah derhaka kepada ibu suami sendiri kerana isteri tidak sama-sama balik ke kampung suami pada hujung minggu?

**Jawapan:**

Tidak dikira derhaka, terpulang kepada suami hendak balik ke kampung tanpa isterinya. Namun, untuk mengelakkan *mafsadah* (keburukan) dan *darurah* (kemudaratan) yang bakal berlaku seperti pergaduhan dan salah faham, seeloknya isteri tidak balik ke kampung suami untuk memberi ruang kepada mereka mengambil masa bertenang. Walaubagaimanapun, sebagai isteri sentiasalah bersama suami kerana tempat isteri itu disisi suami. Sebagaimana dalil hadis Nabi SAW, hadith yang diriwayatkan oleh Zayd ibn Arqam:

لَا تُؤَدِّي الْمَرْأَةُ حَقَّ رِبِّهَا حَتَّى تُؤَدِّيَ حَقَّ زَوْجِهَا وَلَوْ سَأَلَهَا نَفْسَهَا وَهِيَ عَلَى ظَهْرِ قَتَبٍ لَمْ تَمْنَعَهُ

**Maksudnya:** Seorang wanita tidak akan (sempurna) menunaikan hak Tuhannya sehinggalah dia menyempurnakan hak suaminya, dan sekiranya dia (suami) memintanya (untuk bersetubuh) di atas Qatbi (pelana di atas unta) dia (isteri) (seharusnya) tidak menolak.

Sahih Ibn Majah (1515).

**Soalan:**

Adakah menjadi satu penderhakaan isteri kepada ibu mertua (sama seperti isteri telah derhaka kepada mak isteri sendiri) jika isteri enggan/tidak balik ke kampung suami setelah mendapat keizinan suami untuk tidak balik? Secara tidak langsung suami telah menderhaka kepada ibu suami?

**Jawapan:**

Tidak dikategorikan sebagai derhaka, cukup sekadar menghormatinya sebagai ibu kepada suami (sila rujuk jawapan no 1)

Justeru itu, semua penjelasan jawapan yang diberikan kepada tuan ini, mudah-mudahan dapat memberikan penyelesaian dan jalan keluar terhadap

masalah tuan. Jabatan ini menyarankan supaya tuan sebagai suami dan anak lelaki perlu memainkan peranan yang penting terhadap isteri dan ibu tuan supaya hubungan yang renggang boleh disatukan semula. Sehubungan dengan itu, bagi mendapat khidmat nasihat dan kaunseling keluarga berhubung dengan masalah tuan, tuan boleh mendapatkannya di pejabat agama Islam berdekatan dengan daerah tuan. Semoga segala urusan tuan dipermudahkan dan mendapat solusi terbaik terhadap konflik yang berlaku serta banyakkkan berdoa kepada Allah supaya hubungan keluarga yang terbina disulami dengan rahmat kasih sayang Allah SWT sentiasa.

Sekian, terima kasih.



Rujukan

1. Al-Quran Dan Terjemahan.
2. Sunan Al- Tirmizi.
3. Sunan Ibnu Majjah.
4. *Dar Al Ifta' Al Misriyyah.*